

**Soalan 1 : Rumusan**

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti dan kemudian buat satu rumusan tentang **ciri-ciri seorang pengetua sekolah yang cemerlang dan kesan-kesan jika pengetua tidak mempunyai ciri-ciri tersebut. Panjang rumusan anda hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.**

Pengetua ialah peneraju kepada kepemimpinan sekolah. Memandangkan pengetua merupakan orang yang paling berpengaruh di sekolah, maka beliau akan menjadi *role model* atau idola kepada guru dan kakitangan di bawahnya. Seseorang pengetua perlu mempunyai bakat kepemimpinan yang dapat membimbing anak-anak buahnya. Kepemimpinan yang berkualiti mampu memacu kejayaan sekolah dan meningkatkan prestasi akademik murid-murid.

Pengetua perlu mempunyai kemahiran mengenal pasti isu-isu dan strategi sama ada yang berkaitan dengan akademik, bukan akademik, dan disiplin murid. Kemahiran ini perlu dimiliki oleh semua pengetua yang mahu sekolah yang dipimpinnya disegani oleh masyarakat di sekitar sekolah. Seterusnya, seseorang pengetua hendaklah mempunyai motivasi yang tinggi. Mereka hendaklah sentiasa berusaha untuk memajukan kepemimpinan diri demi kemajuan sekolah misalnya menghadiri seminar, perbengkelan, dan seumpamanya. Pengetua sebagai penjana transformasi pendidikan hendaklah seorang personaliti yang mempunyai kualiti peribadi yang cemerlang. Beliau berkemampuan untuk menjelaskan visi dan misi organisasi (sekolah) kepada semua pihak terutamanya guru dan kakitangan sokongan.

Seseorang pengetua yang menjadi tunggak institusi sekolah mestilah mempunyai *time frame* dalam menyiapkan sesuatu program atau projek yang dirancang. Ketepatan masa amat penting kerana beliau akan memberikan teladan kepada guru, kakitangan, dan murid-murid di sekolah. Pengetua juga merupakan individu yang mengamalkan konsep pengurus sekolah, iaitu mewujudkan suasana kerjasama antara guru dengan murid. Pengetua yang berkemampuan untuk mewujudkan suasana yang harmonis tentunya akan disanjung sekali gus menjadi model kepada orang-orang bawahan dan murid-murid.

Berfikiran terbuka juga merupakan ciri seorang pengetua yang boleh dijadikan contoh. Pengetua yang mempunyai sikap ini akan sentiasa mendengar pandangan daripada pihak lain seperti guru, ibu bapa mahupun murid. Dalam pada itu, pengetua hendaklah seorang yang tabah terutama sekali ketika menghadapi masalah atau cabaran. *Blumberg dan Greenfield*

(1986) pula berpendapat bahawa ciri penting yang perlu ada pada diri seorang pengetua adalah bijak dan pintar dalam bertindak serta mempunyai daya usaha yang tinggi. Pengetua hendaklah menjadi contoh dan model yang baik kepada kakitangannya. Selain itu, pengetua juga hendaklah mempamerkan sikap yang terpuji. Seterusnya, pengetua yang baik akan memberikan peluang kepada guru-guru dan kakitangannya untuk menonjolkan kepemimpinan mereka. Dalam erti kata lain, pengetua perlu bersikap profesional dan tidak berat sebelah dalam menjalankan tanggungjawabnya.

Jelaslah bahawa seseorang pengetua itu mestilah merupakan individu yang berwibawa dan berkaliber serta dapat *mempamerkan kualiti* kepemimpinan dan mempunyai kemahuan yang tinggi untuk memimpin. Ciri-ciri sedemikian membolehkan beliau menjadi seorang yang berpengaruh, dan seterusnya menjadi peneraju utama sekolah yang menjadi ikutan kepada orang bawahannya serta dapat melonjakkan kecemerlangan sekolah dalam semua aspek.

(Dipetik dan diubah suai daripada ‘Pengetua Penjana Transformasi Pendidikan Negara’ oleh Izani Hj Daud, *Wadah Siswa*, 2013)

**Soalan 2: Pemahaman***[35 markah]***Soalan 2 (a) - Petikan Umum**

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

(i) Berikan maksud rangkai kata *mempamerkan kualiti*. (2 markah)

(ii) Dalam petikan ada dinyatakan tentang kebaikan yang akan diperoleh jika seseorang pengetua itu mempunyai bakat kepimpinan.

Apakah kebaikan-kebaikan tersebut?

(3 markah)

(iii) Keharmonian dalam kalangan warga sekolah amat penting untuk mewujudkan suasana yang ceria dan selesa di sekolah.

Sekiranya anda seorang pengetua, apakah tindakan-tindakan yang akan anda lakukan untuk menjaga keharmonian warga sekolah?

(4 markah)

**Soalan 2 (b) – Petikan Cerpen**

*Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya dengan menggunakan ayat sendiri.*

Cenderamata untuk diri sendiri, memadailah jika aku dapat membeli beberapa buah buku yang diterbitkan di Turki dan mengambil seberapa banyak gambar dengan kamera digitalku. Aku menganggarkan perbelanjaan sekitar USD50 kerana harga buku biasanya mahal. Sebenarnya, setiap kali pemergian, aku berpeluang mengumpulkan banyak cenderamata secara percuma. Dari hotel, biasanya aku memperoleh botol syampu, botol sabun buih, poskad, mancis, selipar, pen, pensel, uncang teh, uncang gula atau apa-apa sahaja termasuk alat pengilap kasut.

Senarainya pasti bertambah panjang jika aku memasukkan bekas botol air mineral, pembungkus coklat, pembungkus gula-gula, resit pembelian, tiket feri, tiket muzium, beg plastik, dan baki duit syiling negara luar ke dalam kategori cenderamata.

Jika semuanya dicampurkan, jumlah yang akan dibelanjakan sekitar USD300. Masih ada baki sebanyak USD100. Sengaja aku ketepikan untuk perkara-perkara yang tidak dijangkakan. Contohnya, barangkali ada persembahan kebudayaan yang perlu kubayar sendiri yang tidak termasuk dalam pakej lawatan. Rugi berjalan ke tempat orang kalau tidak sempat melihat kebudayaan dan kesenian mereka.

(Dipetik dari Cerpen 'Jaket Kulit Kijang dari Istanbul'  
dalam Antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul)

- (i) Berdasarkan petikan, apakah barang yang dikumpul oleh penulis untuk dijadikan cenderamata?  
(2 markah)
- (ii) Pada pendapat anda, bagaimanakah cara untuk menaikkan nama negara dalam bidang pelancongan?  
(3 markah)
- (iii) Jelaskan **satu** pengajaran yang terdapat dalam petikan di atas dan **satu** pengajaran lain daripada cerpen tersebut yang tidak terdapat dalam petikan.

(4 markah)

**Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Tradisional**

Baca petikan Prosa Tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka sembah segala orang banyak itu, “Sahaya semua tahu juga; oleh tuanku tiada mengaku, sahaya semua takut mengatakan dia anak tuanku.”

Maka Seri Nara Diraja pun tersenyum. Maka Tun Nina Madi digelar oleh Sultan Muzaffar Syah Tun Bijaya. Maha Menteri. Setelah Paduka Raja dan Seri Nara Diraj dua orang itu menjadi orang besar, maka anak Melayu pun berbelah, setengah pada Paduka Raja, setengan pada Seri Nara Diraja, kerana kedua-duanya sama orang berasal. Maka Seri Nara Diraja tidak muafakat dengan Paduka Raja, senantiasa beringgit juga; beberapa kali lain Paduka Raja kedapatan dengan Paduka Raja dalam kampung Seri Nara Diraja. Maka Sultan Muzaffar Syah pun tahu akan perihal itu maka terlalu dukacita baginda melihat kelakuan Paduka Raja dengan Seri Nara Diraja itu. Maka fikir di dalam hati baginda, “Jikalau demikian binasalah negeri ini, kerana orang besarnya tidak muafakat sam orang besar.”

Hatta, maka baginda fikir berbicara hendak memuafatkan Seri Nara Diraja dengan Paduka Raja. Maka baginda pun suruh memanggil Seri Nara Diraja; maka dia pun hadirilah.

Maka titah Sultan Muzaffar Syah, “Mahukah Seri Nara Diraja beristeri?”

Maka sembahnya, “Jikalau ada kurnia Duli Yang Dipertuan, baiklah, tuanku.”

Maka titah baginda, “Mahukah Seri Nara Diraja akan Tun Bulan, anak Orang Kaya Hitam?”

Maka sembahnya, “Mohon patik tuanku.”

Maka titah baginda, “Mahukah akan Tun Rakna Sandari, saudara Paduka Raja itu?”

(Dipetik daripada Prosa Tradisional ‘*Burung Terbang Dipipiskan Lada*’, oleh Ilias Zaidi dalam *Antologi Sejadah Rindu*)

(i) Apakah yang berlaku setelah Paduka Raja dan Seri Nara Diraja menjadi orang besar?

(2 markah)

(ii) Siapakah dua orang besar yang tidak bermuafakat?

(3 markah)

(iii) Pada pendapat anda, apakah yang akan berlaku jika pemerintah tidak bersatu?

(3 markah)

### Soalan 2 (d) – Sajak

Baca sajak di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

<p><b>Kudup Perang</b></p> <p>Sementara dia bergelar panglima lascar perang; yang terus-menerus membajakan kezaliman – terus <i>mengudupkan putik dendam</i> kita masih perlu berterima kasih kepada jari-jemari takdir kerana membenarkan sepasang mata untuk berlari dengan tangan bergari sempat juga menadah sejambak puisi untuk sehari lagi; sambal bertanya: siapakah pahlawan yang asli?</p> <p>Memang kita tidak sempat menjenguk ke luar jendela; sewaktu fajar menghembus ringkik kuda, gemerincing pedang pusaka dan darah yang tiba-tiba membuak di daerah angkara – perciknya menumbuhkan kelopak rahsia dalam keliru, tertanya-tanya kita tangan mana yang memenggal leher sang pendusta?</p> <p>Andai namamu Tuah, kita masih tidak mahu menyanjungnya pendekar paling gagah kerana takhta setia terbina di istana wangsa bukanlah penjamin kukuhnya pasak saksama sesekali turut direntakan daki pendusta melekatlah selumbar sengsara</p>	<p>Andai namamu Jebat, kita masih tidak menggelarnya sebagai pengkhianat kerana kita masih menangi peta keadilan yang tersiat – nun, karam di lautan kesumat sedang warga memanggilnya keramat.</p> <p>Perang pun melecurkan lidah muslihat bercabang lalu bertemu bayu palsu; bertiup dan memindahkan kebenaran pada tempatnyanya mewarnakan keindahan pada hodohnya menjungkitkan amarah pada damainya teramat lara kita menjahit semula perca-perca bahagia – seperti perawan yang dibungkamkan cinta pertama.</p> <p>Sehingga senja tiba kita masih bertengkar tentang siapa pahlawan sebenarnya</p> <p style="text-align: right;"><b>Tuah Saujana,</b> Dalam antologi Sejadah Rindu, Sasbadi Sdn. Bhd.</p>
---	---

di tiang maruah kota.	
-----------------------	--

- (i) Berikan maksud ungkapan *mengudupkan putik dendam* dalam rangkap 1?  
(2 markah)
- (ii) Pada pendapat anda, apakah ciri-ciri seorang pemimpin yang seharusnya kita contohi pada masa ini?  
(3 markah)
- (iii) Jelaskan **dua** nilai yang terdapat dalam sajak di atas.  
(4 markah)

**Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

[30 markah]

Jawab semua soalan

(a) *Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

- (i) intensif
- (ii) kemaslahatan
- (iii) kebejatan
- (iv) kekangan
- (v) spekulasi
- (vi) menelusuri

(6 markah)

(b) *Cerakinkan ayat majmuk dalam perenggan di bawah kepada enam ayat tanpa mengubah maksud asalnya.*

Golongan remaja memerlukan perhatian dan kasih sayang daripada ahli keluarga. Mereka tidak seharusnya diabaikan oleh ibu bapa walaupun kebanyakan daripada ibu bapa sibuk bekerja. Oleh sebab itu, ibu bapa perlu meluangkan masa bersama dengan anak-anak mereka di samping memastikan pencapaian akademik mereka sentiasa cemerlang.

(6 markah)

(c) *Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Pihak sekolah mengundang ibu bapa datang ke sekolah bagi menandatangani rekod kemajuan pelajar sambil berbincang dengan guru-guru tentang prestasi akademik anak masing-masing.
- (ii) Beberapa orang pekerja Majlis Perbandaran telah menemui bayi di stesyen bas dan mempercayai bahawa bayi itu telah ditinggalkan.
- (iii) Penggambaran filem dokumenteri tentang perjuangan tokoh-tokoh kemerdekaan sedang dilakukan dengan giatnya oleh Kementerian Penerangan Malaysia untuk ditayang sepanjang Bulan Kemerdekaan.

(6 markah)

(d) *Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah** dan **satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Kerajaan menyatakan yang usaha-usaha meningkatkan persefahaman dalam kalangan pelajar dapat dilakukan menerusi Rancangan Integrasi Murid di sekolah-sekolah.
- (ii) Aktiviti pendidikan dan pembelajaran hendaklah dilaksanakan secara konstruktif, kreatif, dan inovatif oleh para guru-guru.
- (iii) Masalah penurunan bekalan daging ayam di bandar-bandar tidak melibatkan semua bandar di seluruh negara ini tetapi hanya di beberapa buah bandar kecil sahaja.

(6 markah)

(e) *Berikan maksud peribahasa di bawah ini.*

- (i) Lembu punya susu, sapi punya nama
- (ii) Bagai air titik ke batu
- (iii) Makan angin

*(6 markah)*

**Soalan 4 – Novel**

(15 markah)

*Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- (i) *Leftenan Adnan Wira Bangsa* Karya Abdul Latip Talib
- (ii) *Jendela Menghadap Jalan Raya* Karya Ruhaini Matdarin
- (iii) *Pantai Kasih* Karya Azmah Nordin
- (iv) *Di Sebalik Dinara* Karya Dayang Noor
- (v) *Tirani* Karya Beb Sabariah
- (vi) *Songket Berbenang Emas* Karya Khairuddin Ayip
- (vii) *Bimasakti Menari* Karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (viii) *Silir Daksina* karya Nizar Parman

- (a) Permulaan yang menarik dalam sesebuah novel akan mempengaruhi pembaca untuk meneruskan pembacaan hingga akhir.

Huraikan pernyataan tersebut berdasarkan novel yang anda kaji.

(7 markah)

- (b) Setiap peristiwa dalam novel berlaku dalam masa tertentu.

Berdasarkan **salah satu** novel yang anda pelajari, jelaskan tiga latar masa yang tertentu.

(8 markah)

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

